

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 8 APRIL 2015

SOALAN :

YB Tuan Idris Bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapakah kanak-kanak yang berumur 7 tahun ke bawah tidak layak mendapat kemudahan rawatan percuma di Hospital Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Semua pesakit warganegara yang datang mendapatkan rawatan di hospital Kerajaan akan dikenakan caj berdasarkan Perintah Fi (Perubatan)1982. Di dalam perintah fi berkenaan telah menentukan kadar yang perlu dijelaskan oleh semua pesakit orang awam. Walau bagaimanapun, bagi kanak-kanak yang berumur 7 tahun ke bawah telah diberikan kemudahan rawatan percuma seperti berikut:-

- (i) Kanak-kanak yang berumur 1 tahun ke bawah layak mendapat kemudahan rawatan percuma di Jabatan Pesakit Luar Am - Jadual A, Bahagian 1 Perintah Fi (Perubatan)1982 Perkara 16 (5);

- (ii) Kanak-kanak yang berumur 6 tahun dan ke bawah layak mendapat kemudahan rawatan pergigian dan imunisasi percuma. [Perintah Fi (Perubatan)1982 – Perkara 16 (8)];
- (iii) Caj wad kanak-kanak adalah separuh daripada kadar caj wad dewasa [Perintah Fi (Perubatan) 1982 – Perkara 4 (3)]; dan
- (iv) Kanak-kanak warganegara yang tidak berkemampuan yang mendapatkan rawatan dan dimasukan ke wad kelas tiga di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia boleh diberi pengecualian oleh pengarah hospital yang berkenaan atau mana-mana pegawai yang telah diberi kuasa secara bertulis untuk memberi pengecualian tersebut. [Perintah Fi (Perubatan) 1982 – Perkara 16(7)].

NO. SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[SETIU]**

TARIKH : 8 APRIL 2015

RUJUKAN : 7630

SOALAN:

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah Kerajaan dalam menyekat penjualan akhbar asing tanpa permit di negara ini daripada berulang.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 2012 digubal untuk mengawalselia dan memantau aktiviti percetakan dan penerbitan supaya tidak terdapat bahan-bahan penerbitan yang dihasilkan boleh menjaskas keselamatan dan ketenteraman awam.

Berhubung langkah Kerajaan dalam menyekat penjualan akhbar asing tanpa permit di negara ini daripada berulang, Kementerian Dalam Negeri telah memanggil pihak kedutaan asing yang terlibat iaitu Kedutaan Bangladesh, Myanmar, Nepal dan Indonesia. Pertemuan telah diadakan bersama kedutaan asing berkenaan dan Kementerian telah meminta kerjasama kedutaan terlibat untuk memaklumkan kepada warganya supaya memohon permit penerbitan (jika ada) atau surat permohonan menjadi wakil jualan penerbitan (bagi surat khabar import) di Malaysia.

Sehingga 28 Februari 2015, Kementerian telah menerima 3 permohonan iaitu 2 daripada akhbar/tabloid mingguan Bangladesh dan satu akhbar tabloid Nepal. Pada masa ini, permohonan tersebut sedang diperhalusi dan diproses oleh Kementerian Dalam Negeri berdasarkan kekangan untuk menyemak kandungan akhbar yang diterbitkan kerana masalah

bahasa supaya tidak memberi implikasi kepada ketenteraman awam dan keselamatan negara serta keperluan rakyat negara-negara terlibat yang memerlukan berita dan maklumat berkenaan negara mereka. Kementerian Dalam Negeri akan bekerjasama dengan kedutaan asing yang terlibat dalam menangani penjualan akhbar asing tersebut. Pada masa sama penguatkuasaan mengikut peruntukan perundangan sedia ada akan dilaksanakan secara berterusan.